

## Saiz Kosa Kata Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Komunikasi Professional, UiTM

Nurain Syafina Husain<sup>1</sup>, & Norhayuza Mohamad<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Malaysia  
syafinahusaini@gmail.com

<sup>2</sup>Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Malaysia  
norha571@uitm.edu.my

*Article history:*

*Received: 7 April 2020*

*Accepted: 22 June 2020*

*Published: 26 June 2020*

### Abstrak

Saiz kosa kata ialah kuantiti kosa kata yang dimiliki oleh seseorang yang menuturkan sesuatu bahasa. Penguasaan saiz kosa kata amat berkait rapat dengan penguasaan bahasa. Nation (2001) & Laufer (1989) mengesyorkan, pelajar bahasa perlu menguasai sekurang-kurangnya 2000-3000 patah perkataan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti saiz kosa kata bahasa Arab pelajar UiTM dari dua aspek iaitu reseptif dan produktif. Sampel kajian ini terdiri daripada 127 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Komunikasi Professional UiTM daripada semester 1 hingga 5. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan Instrumen yang digunakan adalah Ujian Tahap Kosa Kata Bahasa Arab (aVLT) dan Ujian Tahap Produktif (PVLVT). Data kajian dianalisis menggunakan perisian SPSS V20.0. Dapatan kajian menunjukkan bahawa saiz kosa kata reseptif bahasa Arab pelajar berada di paras bawah tahap yang disyorkan iaitu 1885 patah perkataan. Manakala bagi saiz kosa kata produktif pula hanya 1655 patah perkataan yang dikuasai. Kajian ini mencadangkan agar pelajar lebih memberi penekanan kepada kosa kata berfrekuensi tinggi agar ia dapat diaplikasikan dengan lebih berkesan. Tenaga pengajar juga disarankan agar mempelbagaikan strategi pengajaran dan pembelajaran kosa kata terhadap pelajar serta memaksimumkan teknologi pengajaran terkini agar dapat menarik minat pelajar untuk menguasai kosa kata.

**Kata Kunci:** Saiz kosa kata, kosa kata Arab, ujian kosa kata bahasa Arab, kosa kata reseptif, kosa kata produktif

### Abstract

*Vocabulary size is a number or a quantity of vocabulary owned by an individual who speaks a language. Vocabulary size has close relationship with the usage of a language. Nation (2001) & Laufer (1989) recommended that language students to master at least 2000 to 3000 words. This study is to identify the Arabic language vocabulary size between two aspects, receptive and productive. Research samples for this study consists of 127 undergraduates of Arabic Language for Professional Communication Course in UiTM varying from first semester students up until fifth semester students. This study used quantitative approach with few instruments used such as Arabic Language Vocabulary Level Test (aLVT) and Productive Vocabulary Level Test (PVLVT). The data are analysed using Statistical Package for Social Sciences V20.0 (SPSS) In average, the findings of this research has concluded that the receptive vocabulary size of Arabic Language is below the recommended level which is 1885 words whereas for productive vocabulary size is only 1655 words. Hence, this research proposed that students on tertiary level especially should focus more on relevant and high frequency vocabulary to be mastered in order to apply them more effectively. Therefore, teaching personnel should expose students to various techniques in learning vocabulary as well as maximising the use of latest technology in order to gain students' interest in learning.*

**Keywords:** Vocabulary size, Arabic vocabulary, Arabic vocabulary test, receptive vocabulary, productive vocabulary

## 1.0 Pengenalan

Penguasaan kosa kata amat penting untuk seseorang individu menguasai sesuatu bahasa. Kosa kata boleh diumpamakan sebagai jantung kepada sesuatu bahasa (Beglar & Hunt, 1999). Penguasaan kosa kata yang luas dapat membina kemahiran menulis dan mengarang seperti kemahiran membina, menggabung dan memanipulasi ayat, di samping kemahiran membaca dan memahami (Che Radiah Mezah, 2009). Sebagai pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) khususnya, penguasaan kosa kata yang pelbagai amat membantu pelajar untuk lebih cemerlang dalam bidang akademik. Maka, dalam proses pembelajaran bahasa Arab, seseorang pelajar haruslah menguasai sejumlah kosa kata yang mencukupi, memahami maksud perkataan yang sebenar dan menggunakan perkataan tersebut pada konteks yang betul dan tepat. Walau bagaimanapun, untuk menguasai sejumlah kosa kata itu merupakan salah satu cabaran dan memerlukan usaha yang banyak. Menurut Harun (2014), pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi membantu pelajar untuk mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran kosa kata. Namun jika dilihat pada kajian-kajian linguistik terdahulu lebih memfokuskan kepada aspek yang perlu dipelajari dan hasil yang telah dipelajari berbanding melihat kepada aspek bagaimana kaedah pembelajaran kosa kata itu berlaku.

### 1.1 Pernyataan Masalah

Tanpa kosa kata kemahiran-kemahiran bahasa seperti membaca, mendengar, menulis dan bertutur tidak mungkin dapat dikuasai oleh seseorang pelajar. Hal ini kerana kosa kata umpama jantung kepada sesuatu bahasa (Beglar & Hunt, 1999). Maka dengan itu, dalam proses pembelajaran bahasa Arab, seseorang pelajar haruslah menguasai sejumlah kosa kata yang mencukupi, memahami maksud perkataan yang sebenar dan menggunakan perkataan tersebut pada konteks yang betul dan tepat.

Namun, pengkaji menemui bahawa masalah kekurangan kosa kata atau saiz kosa kata yang rendah merupakan salah satu permasalahan asas dalam penguasaan bahasa Arab. Perkara ini memang sentiasa menjadi bahan perbincangan dalam kalangan para akademik. Antaranya ialah, kosa kata tidak diberikan penekanan sewajarnya seperti komponen-komponen bahasa yang lain seperti nahu dan sorof. Kebanyakan buku latihan dan rujukan lebih fokus kepada penguasaan nahu dan sorof berbanding kosa kata. Seterusnya, penggunaan senarai kosa kata dalam pembelajaran bahasa dianggap tidak relevan. Lazimnya, komponen senarai kosa kata yang terdapat di buku teks tidak dimanfaatkan sepenuhnya (Folse, 2004). Ramai dalam kalangan pendidik dan pelajar tidak memberikan tumpuan kepada perkataan baharu yang telah dipelajari menerusi teks dengan menganggap ia tidak bermanfaat dalam situasi-situasi komunikasi (Al-Wa'iliy, 2004). Para guru hanya fokus pada latihan tubi yang berkaitan dengan nahu sorof sehingga bahagian kosa kata terabaikan.

Selain itu, pelajar juga didapati mengalami kesukaran dalam berkomunikasi kerana kekurangan kosa kata bahasa Arab. Realitinya, pelajar di peringkat sekolah mahupun IPT masih mempunyai tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab yang agak lemah. Terdapat sesetengah perkataan mudah yang sepatutnya difahami oleh pelajar tetapi yang berlaku adalah sebaliknya. Selain itu, pelajar tidak mampu memahami arahan dan syarahan yang disampaikan dalam bilik-bilik kuliah. Mereka juga didapati tidak mampu mengungkap frasa-frasa mudah yang digunakan dalam komunikasi harian (Razif, 2015). Selain itu, isu jumlah atau saiz kosa kata bahasa Arab memerlukan penilaian secara empirikal bagi mengukur atau menganggar jumlah (saiz) kosa kata yang dikuasai. Penilaian dan pemilihan kosa kata yang sesuai haruslah mengikut kaedah ilmiah dan dilaksanakan secara empirikal agar objektif untuk menguasai bidang kosa di dalam sukatan pembelajaran mampu dicapai (Mat Taib, 2001).

### **1.2 Objektif Kajian**

Kajian ini dilaksanakan bagi mencapai 3 objektif kajian seperti berikut:

- a) Mengukur saiz kosa kata reseptif bahasa Arab dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Komunikasi Professional UiTM.
- b) Mengukur saiz kosa kata produktif bahasa Arab dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Komunikasi Professional UiTM.
- c) Membandingkan perbezaan saiz kosa kata reseptif dan produktif dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Komunikasi Professional UiTM.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Bagi mencapai objektif ini pengkaji telah menggariskan persoalan kajian seperti berikut:

- a) Berapakah saiz kosa kata reseptif dan produktif Bahasa Arab di kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Komunikasi & Professional UiTM?
- b) Berapakah saiz kosa kata produktif bahasa Arab dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Komunikasi Professional UiTM.
- c) Sejauh manakah perbezaan saiz kosa kata reseptif dan produktif dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Komunikasi Professional UiTM.

### **1.4 Kepentingan Kajian**

Kajian ini dijangka dapat memenuhi keperluan asas dalam bidang pembelajaran bahasa Arab di UiTM khususnya aspek saiz kosa kata. Melalui dapatan kajian ini, Jawatankuasa Kurikulum Bahasa Arab khususnya di UiTM dapat mengetahui jumlah sebenar saiz kosa kata pelajar dan dapat melihat kepada keperluan untuk

menambah baik silabus sekiranya terdapat isu dalam saiz kosa kata pelajar bahasa Arab Komunikasi di UiTM. Seterusnya, kajian ini dapat memberi pengetahuan kepada tenaga pengajar mengenai tahap penguasaan saiz kosa kata bagi setiap tahap pelajar. Tenaga pengajar boleh menggunakan tahap perkataan yang sesuai dan selaras dengan tahap kosa kata pelajar. Selain itu, pelajar dapat mengetahui jumlah saiz kosa kata yang mereka telah miliki dan juga keperluan saiz kosa kata sebenar yang mereka perlu kuasai sebagai pelajar universiti. Kajian ini juga boleh menambah bahan rujukan bahasa Arab serta melihat kepelbagaian kaedah dan instrumen yang digunakan untuk menguji saiz kosa kata pelajar.

## **2.0 Kajian Literatur**

### **2.1 Saiz Kosa Kata & Kepentingan Pengetahuan Saiz Kosa Kata Dalam Pembelajaran Bahasa**

Saiz kosa kata merujuk pada seberapa banyak perkataan yang diketahui oleh pelajar. Ia memerlukan ujian saiz kosa kata yang khusus untuk mengukur kuantiti kosa kata tersebut. Kebiasaannya, ujian ini bertujuan untuk mengukur tahap pengetahuan pelajar mengenai bentuk sesuatu perkataan dan juga keupayaan mereka untuk menghubungkan bentuk perkataan itu menjadi makna (Coxhead, Nation, & Sim, 2015).

Saiz kosa kata juga didapati mempunyai hubungkait yang kuat dengan kemahiran membaca, mendengar, bertutur dan menulis (Llach & Gallego, 2009; Staehr, 2008). Hal ini tidak pelik memandangkan saiz kosa kata berkaitan dengan kemampuan menguasai kemahiran membaca, menulis dan kemahiran umum berbahasa serta ia mampu mempengaruhi pencapaian akademik (Staehr, 2008). Hal ini dibuktikan lagi dengan salah satu dapatan kajian Harun (2014) yang mendapati pelajar yang mempunyai penguasaan saiz kosa kata yang rendah tidak mampu menggunakan strategi pembelajaran yang melibatkan kemahiran bahasa tertutamanya bertutur dan menulis.

Aspek kosa kata diletakkan di tahap yang paling atas dalam peringkat proses berkomunikasi dan medium perantaraan berbanding komponen-komponen utama lain (Pan, 2003; Asmah, 1984). Penilaian ini penting dalam memilih strategi pembelajaran yang bersesuaian dengan kemampuan pelajar. Hal ini kerana pelajar yang memiliki saiz kosa kata yang rendah tidak mampu dan tidak sesuai menggunakan beberapa strategi pembelajaran seperti meneka makna berdasarkan konteks serta strategi yang melibatkan kemahiran menulis dan bertutur.

Pendekatan implisit dan eksplisit dalam P&P kosa kata juga perlu ditentukan berdasarkan penguasaan pelajar dalam aspek ini. Kajian mendapati pelajar yang memiliki saiz kosa kata yang rendah cenderung untuk menggunakan strategi yang mudah, bersifat segera dan langsung kepada makna. Sewajarnya dalam keadaan

ini, pelajar yang didapati memiliki keupayaan bahasa yang rendah didedahkan dan diberi latihan secara eksplisit. Pembelajaran kosa kata secara eksplisit mempunyai kelebihan terutama dalam usaha untuk meningkatkan saiz kosa kata (Abdul Razif et al., 2011); Harun, 2014; Izzetin & Orkun, 2011)

## **2.2 Kosa Kata Reseptif dan Produktif**

Kosa kata reseptif ialah perkataan yang dikenali dan difahami oleh pelajar ketika menggunakannya di dalam konteks. Perkataan ini merupakan perkataan yang pelajar kenali apabila terjumpa ataupun terlihat semasa membaca teks tetapi tidak menggunakannya di dalam pertuturan dan penulisan (Webb, 2009). Kosa kata produktif pula merujuk kepada sejumlah perkataan yang dimiliki oleh seseorang individu dan sering digunakannya, dalam proses menghasilkan makna atau menyampaikan suatu kehendak menerusi aktiviti yang produktif seperti pertuturan atau penulisan (Nation, 2001).

## **2.3 Jumlah Saiz Kosa Kata Yang Harus dikuasai Pelajar**

Saiz kosa kata sering dikaitkan dengan kemampuan berbahasa bagi seseorang individu. Kekayaan kosa kata pada seseorang dapat menentukan kemampuannya dalam berkomunikasi dan juga memahami teks. Tetapi, kekayaan kosa kata bukanlah satu-satunya kayu ukur untuk menentukan penguasaan bahasa seseorang. Kebanyakan sarjana dalam bidang ini menegaskan bahawa ia merupakan satu pra-syarat yang perlu dimiliki bagi menguasai dan mengembangkan potensi bahasa khususnya dalam bahasa kedua (Catalán & Gallego, 2008; Read, 2000; Ta'emah, 2005). Di samping itu, pengkaji bahasa mempunyai pendapat yang berbeza mengenai persoalan jumlah atau saiz kosa kata yang perlu dikuasai pelajar.

Antaranya ialah 'Abd al-Bari (2011) berpendapat bahawa usaha menentukan bilangan perkataan yang perlu diajar kepada pelajar merupakan satu perkara yang agak sukar dilaksanakan. Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti faktor pengembangan bahasa, faktor individu serta perkembangan dunia pendidikan dan pengajaran, Namun begitu, kajian terdahulu telah mendapati bahawa penutur bahasa ibunda atau jati haruslah menguasai 12 000 hingga 20 000 perkataan. Manakala, individu yang berpengetahuan sederhana menggunakan 2500 perkataan secara purata dalam pertuturan hariannya.

Selain itu, Nation & Gu (2007) telah mengelaskan kosa kata berasaskan kekerapan dan dimensi komunikatif yang membezakan antara kosa kata kekerapan tinggi, akademik, teknikal dan kekerapan rendah. Kosa kata berkeperapan tinggi merupakan jenis tahap yang lazim digunakan dalam pembelajaran serta penyelidikan kosa kata. Bagi penguasaan kosa kata berkeperapan tinggi yang perlu diketahui oleh seorang pelajar, saiz kosa kata yang diperlukan dalam anggaran 3,000-5,000 perkataan. Namun dikatakan hanya sejumlah perkataan sahaja

diperlukan oleh seseorang individu untuk sekurang-kurangnya mengetahui isi kandungan sesebuah teks. Pelajar bahasa kedua dilapor memerlukan sekurang-kurangnya 2000 kosa kata bagi mewakili hampir 80 % kefahaman terhadap teks yang dibaca (Schmitt, 2000; Nation & Waring, 1997; Meara, 1996). Hal ini dapat diperjelaskan lagi menerusi jadual dibawah (Nation, 2001).

Jadual 2. 1: Saiz kosa kata dan keluasan liputan teks berdasarkan korpus Brown (1961)

Saiz Kosa Kata	Liputan Teks
1000	72.0 %
2000	79.7 %
3000	84.0 %
4000	86.8 %
5000	88.7 %
6000	89.9 %
15,851	97.8 %

Berdasarkan jadual di atas, terdapat hubungan antara saiz kosa kata dengan peratusan keluasan liputan teks dalam bacaan. Menerusi jadual tersebut, dapat dibuktikan bahawa tahap kefahaman lebih 80 % mampu dicapai sekiranya seseorang individu itu menguasai 2000 perkataan. Manakala Laufer (1989) pula mencadangkan 3000 perkataan yang mewakili 95 % keluasan liputan adalah satu nisbah yang baik. Hal ini kerana, pelajar sekolah tinggi memerlukan saiz antara 3,500-4,000 kata. Manakala, dalam kajian beliau yang lain mengatakan bahawa pelajar memerlukan 3,000 untuk jumlah minimum dan 5,000 untuk jumlah maksimum untuk memudahkan kemahiran membaca. Berdasarkan beberapa pandangan ini, saiz perkataan yang diperlukan dalam menguasai bahasa Inggeris dalam anggaran 3000 hingga 5000 patah perkataan.

Seterusnya, terdapat juga kajian yang menentukan jumlah kosa kata bahasa Arab yang perlu dikuasai oleh pelajar. Ta'emah (1986) mendapati bahawa sebahagian pakar mencadangkan supaya pelajar di peringkat rendah perlu menguasai kosa kata sebanyak 750 sehingga 1000 patah perkataan, di peringkat pertengahan harus menguasai sebanyak 1000 sehingga 1500 patah perkataan dan di peringkat tinggi pula menguasai sebanyak 1500 sehingga 2000 patah perkataan. Mat Taib (2006) pula membahagikan keperluan kosa kata kepada tiga peringkat iaitu 1000 hingga 1500 perkataan di peringkat permulaan, 1500 hingga 2500 perkataan bagi peringkat kedua dan 2500 hingga 3500 perkataan bagi peringkat ketiga.

Secara keseluruhannya, Al-Batal (2006) telah menganggarkan bahawa jumlah kosa kata yang diperlukan untuk mencapai tahap kecekapan tinggi memerlukan sebanyak 3000 hingga 3500 perkataan. Jumlah kosa kata sedemikian sudah memadai memandangkan pelajar perlu memanfaatkan penggunaan kamus dan pengetahuan morfologi dalam mempelajari kosa kata bahasa Arab. Berdasarkan pandangan beberapa orang sarjana mengenai saiz kosa kata, dapat disimpulkan bahawa pelajar seharusnya menguasai sekurang-kurangnya 3000 patah perkataan sepanjang tempoh pembelajaran. Manakala untuk mencapai tahap kefahaman teks hampir 80%, pelajar haruslah menguasai 2000 patah perkataan secara purata. Pengkaji menyokong dapatan (Meara, 1996, 2001a) dimana beliau mencadangkan dan juga mensarankan bahawa tahap 3000 perkataan ini merupakan tahap penguasaan saiz kosa kata yang ideal dan perkataan yang terdiri daripada perkataan-perkataan yang berfrekuensi tinggi. Sungguhpun demikian, proses penguasaan pembelajaran kosa kata ini seharusnya tidak terhad pada jumlah ini sahaja. Pelajar yang ingin cemerlang haruslah mempunyai matlamat yang tinggi untuk menguasai seberapa banyak kosa kata.

#### **2.4 Aspek Pemilihan Kata bagi Senarai Kosa Kata Berfrekuensi**

Nation (2001) mendefinisikan senarai kosa kata berfrekuensi (*word frequency list*) atau dalam bahasa Arabnya قائمة المفردات الشائعة sebagai suatu senarai perkataan yang disusun mengikut frekuensi penggunaannya.

Perkataan-perkataan ini diperolehi daripada sebuah korpus yang sangat besar. Berikut merupakan asas-asas penting yang perlu dititikberatkan dalam pemilihan kata bagi pembinaan senarai kosa kata khususnya kata bahasa (Rosni et al., 2013; ‘Abd al-Bari, 2011; Ta’emah, 2005):

a) Frekuensi (التواتر)

Frekuensi bermaksud kekerapan. Ia merujuk kepada keadaan di mana sesuatu perkataan muncul dalam sesebuah korpus serta mempunyai kekerapan pengulangan yang tinggi (Nation & Waring, 1997). Dari sudut pandangan yang lain, Ta’emah (2005) menyatakan bahawa pemilihan kosa kata dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab haruslah merujuk pada kekerapan penggunaannya di dalam al-Quran dan Hadis.

b) Julat Penggunaan (المدى / التوزيع)

Julat penggunaan merujuk kepada keadaan di mana sesuatu perkataan itu mempunyai kekerapan pengulangan yang tinggi merentas teks atau sumber yang pelbagai (Nation & Waring, 1997) Dalam konteks bahasa Arab, konsep al-tawazzu’ atau al-mada ini mengutamakan kata-kata yang meluas penggunaannya di ke-

banyak negara Arab dan bukan yang hanya tertumpu penggunaannya di sesebuah negara sahaja (Rosni Samah, 2013; Ta'emah, 2005).

c) Kesediaan (المَتَحِيَّة)

Merujuk kepada perkataan yang boleh digunakan oleh individu untuk menyampaikan sesuatu makna khususnya dalam bidang-bidang tertentu. Ciri ini mempunyai hubungan dengan aspek semantik berasaskan penyusunan perkataan mengikut bidang. Sebagai contoh, dalam pengajian bahasa bagi tujuan pelancongan, perkataan-perkataan yang berkaitan dengan bidang tersebut perlulah didedahkan kepada pelajar. Dengan ini, perkataan yang kerap digunakan dalam bidang tersebut mampu dikumpulkan dan dikuasai oleh pelajar (Rosni Samah, 2013)

d) Kebiasaan (الأُلْفَة)

Merujuk kepada perkataan yang biasa digunakan oleh kebanyakan individu dan bukan dari perkataan yang ganjil dan janggal. Perkataan-perkataan ini merupakan perkataan yang sering ditemui dan tidak menjadi kesukaran bagi pelajar untuk menguasainya. Perkataan-perkataan ini mempunyai hubungan yang rapat dengan persekitaran pelajar dan kehidupan seharian mereka (Rosni Samah, 2013).

e) Kesempurnaan (الشُّمُول)

Merujuk kepada perkataan yang mempunyai beberapa makna dan mampu dimanfaatkan dalam banyak keadaan dan situasi. Aspek ini membantu pelajar dalam menguasai kata dengan cepat dan efektif.

f) Berkeutamaan (الأَهْمِيَّة)

Merujuk kepada perkataan yang dirasakan penting dan diperlukan oleh seseorang pelajar.

g) Kearaban (العُرْبَات)

Mengutamakan penggunaan perkataan dan istilah Arab berbanding dengan perkataan pinjaman atau asing semaksima mungkin.

## 2.5 Pengukuran Saiz Kosa Kata

Pengukuran saiz kosa kata merupakan penanda aras yang penting dalam menentukan keupayaan penuntut bahasa kedua khususnya bagi menentukan pencapaian akademik mereka (Olmos, 2009; Goulden, Nation, &



Read, 1990). Untuk mengukur saiz kosa yang dimiliki seseorang, ujian merupakan satu instrumen yang boleh digunakan untuk tujuan tersebut (Pujol, 2008). Di dalam bidang kosa kata, ujian boleh dilaksanakan bagi menguji sama ada ingin mengetahui aspek saiz (jumlah) atau aspek kedalaman kosa kata sesuatu kelompok individu.

Ujian saiz kosa kata bertujuan untuk mengukur seberapa banyak perkataan yang diketahui oleh seseorang dan ia hanya melibatkan perkataan asas. Terdapat beberapa ujian saiz kosa kata yang digunakan secara meluas, antaranya ialah Eurocentres *Vocabulary Size Test* (EVST) (Meara & Jones, 1990), *Vocabulary Level Test* (VLT; (Nation, 1983), serta *Expressive Vocabulary Test* (EVT) (Williams, 1997) dan *Productive Vocabulary Test* (PVL) (Laufer & Nation, 1995). Manakala, ujian kedalaman kosa kata bertujuan untuk mengukur tahap pengetahuan seseorang terhadap kosa kata termasuklah perkataan sinonim, polisemi dan juga kolokasi. Ujian kedalaman kosa kata yang digunakan secara meluas iaitu, *Vocabulary Knowledge Scale* (VKS) oleh (Paribakht & Wesche, 1993).

a) Ujian VLT (*Vocabulary Level Test*)

Vocabulary Level Test atau VLT merupakan satu bentuk ujian pengukuran saiz kosa kata. Ujian ini digubal oleh Paul Nation dari Universiti Victoria, Wellington, New Zealand sekitar tahun 1980an. Penggubalan ujian ini bertujuan untuk membantu guru merancang program pengajaran dan pembelajaran kosa kata yang sesuai untuk pelajar-pelajar mereka. Ujian VLT mempunyai lima bahagian yang mewakili lima tahap perbendaharaan kata berasaskan frekuensi bahasa Inggeris iaitu 2000 kata, tahap 3000 kata, tahap 5000 kata, tahap kosa kata universiti dan tahap 10,000 kata.

Format ujian ini berbentuk padanan definisi perkataan atau makna. Dalam ujian ini, definisi atau makna perkataan merupakan item soalan dan responden perlu memadankannya dengan perkataan yang sesuai yang telah dibekalkan. Setiap tahap mempunyai 18 definisi dan makna perkataan bersama dengan item soalan diiringi dengan 36 perkataan sebagai pilihan jawapan. Semua perkataan ini dikelompokkan kepada enam kelompok kecil dengan setiap satunya mengandungi tiga item soalan dengan enam pilihan jawapan seperti dalam contoh berikut (Read, 2000).

- 1 apply
- 2 elect                    \_\_\_\_\_ choose by voting
- 3 jump                    \_\_\_\_\_ become like water
- 4 manufacture        \_\_\_\_\_ make
- 5 melt
- 6 threaten

Setiap perkataan yang dipilih bagi setiap tahap adalah berasaskan pemilihan secara rawak namun kata nama khas dan kata majmuk dikeluarkan daripada senarai pemilihan. Nation (2001) juga mengesyorkan pemilihan secara sistematik dilakukan dengan membuat per nomboran bagi setiap perkataan dalam senarai kosa kata. Pemilihan dibuat bagi setiap sepuluh perkataan yang terdapat dalam senarai kosa kata.

Markah ujian akan dikira melalui skor dan peratusan. Skor dan peratusan ini boleh ditafsirkan dalam dua bentuk, iaitu jumlah keseluruhan kosa kata yang dimiliki dan saiz kosa kata yang dikuasai. Peratusan digunakan bagi mendapatkan jumlah keseluruhan kata yang dimiliki oleh pelajar. Sekiranya skor yang diperolehi oleh responden dalam tahap 1000 kata adalah 14/18, maka peratusan yang dimiliki ialah 78 %. Ini bermakna individu tersebut telah menguasai sekitar 780 perkataan daripada tahap tersebut (Meara, 1980). Bagi menentukan saiz atau penguasaan bagi sesuatu tahap pula, skor kriteria perlu terlebih dahulu ditetapkan. Read (2000) mengesyorkan skor kriteria pada 16/18. Sebagai contoh, sekiranya calon memperoleh skor 16 daripada 18 item yang diuji bagi tahap 1000 kata, ini bermaksud pelajar itu boleh dianggap telah menguasai keseluruhan kosa kata pada tahap 1000 perkataan.

#### b) Ujian PVLТ (Productive Vocabulary Levels Test)

*Productive Vocabulary Level Test* (PVLТ) bertujuan untuk mengukur saiz kosa kata produktif seseorang penutur. Ujian ini sesuai diaplikasikan kepada penutur bukan asli untuk mengetahui tahap saiz kosa kata yang mereka miliki. Kajian ini berfokuskan tentang kemahiran kosa kata produktif. Kajian ini menumpukan kepada ukuran kosa kata produktif yang dikawal dan terdiri daripada lima tahap frekuensi, iaitu 2000, 3000, 5000, UWL dan 10000 (Laufer & Nation, 1999; Zimmerman, 2004).

PVLТ merupakan ujian yang diubahsuai daripada ujian VLT. Set soalan ini mempunyai 18 soalan bagi setiap tahap yang diuji dan secara keseluruhan, ujian ini mempunyai 90 soalan. Ia mempunyai format khusus iaitu huruf awalan bagi setiap jawapan akan diberikan sebagai klu. Tujuan huruf awalan ini disediakan adalah untuk menghalang para responden dari mengisi perkataan lain yang datang dari tahap kekerapan yang berbeza walaupun perkataan itu mempunyai semantik yang sesuai dalam konteks tersebut. Ruang jawapan yang bergaris mempunyai panjang yang sama tanpa mengira bilangan huruf yang diperlukan untuk menyempurnakan perkataan tersebut (Laufer & Nation, 1999; Zimmerman, 2004). Sebagai contoh:

1) I'm glad we had this opp\_\_\_\_\_ to talk.

Selain itu, ujian ini hanya fokus kepada pengetahuan kosa kata dan tidak melibatkan aspek lain seperti tata-bahasa, kolokasi dan sebagainya. Sekiranya terdapat kesalahan ejaan dan tatabahasa pada jawapan yang diberikan, dan tidak menjejaskan makna serta mengubah kata dasarnya ia masih dikira sebagai jawapan.

### **3.0 METADOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 *Rekabentuk Kajian***

Kajian ini merupakan kajian deskriptif yang berbentuk kuantitatif. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap saiz kosa kata pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab Komunikasi dan Professional di UiTM secara empirikal dan sistematik.

#### **3.2 *Instrumen Kajian***

Kajian ini menggunakan dua instrument iaitu Ujian Tahap Kosa Kata Bahasa Arab (*Vocabulary Level Test - aVLT*) dan Ujian Tahap Produktif (*Productive Vocabulary Level Test - pVLT*). Format ujian aVLT ini berbentuk pepadanan definisi atau menerangkan makna perkataan yang disenaraikan dengan betul. Ujian Tahap Kosa Kata Bahasa Arab ini mengandungi 3 bahagian secara keseluruhan iaitu, tahap 1000, 2000 dan 3000 patah perkataan. Manakala, format pVLT pula responden perlu mengisi item yang sesuai di dalam ruangan yang disediakan di mana setiap tahap mempunyai soalan yang berbentuk konteks ayat yang difahami. Seterusnya, huruf awalan bagi item yang dikehendaki juga disediakan.

#### **3.3 *Sampel Kajian***

Sampel kajian terdiri daripada 127 orang daripada jumlah populasi 200 pelajar. Sampel kajian ini meliputi pelajar tahun 1 (semester 1 dan 2), tahun 2 (semester 3 dan 4), serta tahun 3 (semester 5) yang sedang mengikuti program Bahasa Arab Komunikasi Professional sesi Mac 2019 hingga Jun 2019. Secara keseluruhannya, sampel kajian ini melibatkan 27 orang pelajar lelaki dan 100 orang pelajar perempuan. Rata-rata umur bagi sampel kajian ini dalam lingkungan umur 19 hingga 27 tahun.

#### **3.4 *Tempat Kajian***

Kajian ini dijalankan di Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. Pengkaji telah memilih Universiti Teknologi MARA adalah kerana kajian ini lebih sesuai dengan nama program yang ditawarkan iaitu Bahasa Arab Komunikasi Professional dimana pelajar perlu menguasai kosa kata yang banyak untuk berkomunikasi dengan baik.

### **3.5 Prosedur Pengumpulan Data**

#### **3.5.1 Ujian aVLT**

Ujian ini dijalankan pada waktu perkuliahan rasmi dan pengkaji juga meminta kebenaran terlebih dahulu daripada beberapa pensyarah yang terlibat dengan sesi kuliah bagi mengendali kajian ini dan mengumpul data yang diperlukan. Pengkaji menerangkan tujuan kajian, prosedur dan tatacara menjawab ujian kepada para responden sebelum memulakan ujian. 30-minit telah diperuntukkan untuk menjawab ujian aVLT.

#### **3.5.2 Ujian PVL**

Pengkaji telah menjalankan ujian ini seminggu selepas ujian aVLT dijalankan. Hal ini kerana, item ujian yang dipilih antara kedua-dua ujian ini adalah item yang sama. Untuk mendapatkan data yang baik dan kesahan yang tinggi, kedua-dua ujian ini haruslah dilaksanakan secara berasingan untuk mengelakkan pelajar mengingati item yang meeka telah temui pada ujian aVLT. 45-minit telah diperuntukkan bagi ujian ini.

### **3.6 Kaedah Analisis Data**

Berdasarkan data yang telah diperolehi daripada kedua-dua ujian aVLT dan PVL, pengkaji menggunakan perisian *Microsoft Excel* untuk mendapatkan markah dan peratusan dalam menentukan saiz kosa kata responden. Kedua-dua ujian ini mempunyai prosedur analisis yang sama. Bagi menentukan jumlah saiz kosa kata seseorang pelajar, bentuk kiraanya ialah seperti dalam rajah di bawah:

$$\text{Jumlah jawapan yang betul} \times 100 \times 3000 = \frac{\text{Jumlah perkataan dikuasai pelajar}}{\text{Jumlah item keseluruhan}}$$

Berdasarkan skor dan data yang diperolehi ini, pengkaji dapat melihat pola tahap penguasaan pelajar terhadap tahap kosa kata mengikut skor kriteria yang telah ditetapkan oleh Read (2000). Menurut Read (2000), bagi menentukan saiz kosa kata individu untuk sesuatu tahap, adalah penting untuk kita menentukan terlebih dahulu skor kriteria bagi ujian tersebut. Beliau mengesyorkan skor kriteria bagi setiap tahap adalah 16/18. Seterusnya, maklumat yang diperolehi daripada kedua-dua ujian dianalisis dengan menggunakan SPSS versi (20.0). Statistik deskriptif telah digunakan untuk menganalisis data khususnya bagi tujuan untuk menilai frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai bagi kedua-dua ujian ini.

## **4.0 DAPATAN KAJIAN**

Hasil kajian mengenai penguasaan saiz kosa kata bahasa Arab adalah berdasarkan data skor pencapaian hasil ujian saiz kosa kata iaitu Ujian Saiz Kosa Kata Bahasa Arab (aVLT) dan Ujian Tahap Produktif (PVLT). Dapatan kajian dapat dijelaskan melalui persoalan kajian berikut:

**4.1 Apakah bilangan saiz kosa kata reseptif Bahasa Arab di kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Komunikasi & Professional UiTM?**


Ujian Kosa Kata Bahasa Arab (aVLT) telah digunakan untuk mengukur saiz kosa kata reseptif pelajar. Data-data dalam jadual di bawah menunjukkan skor ujian tahap kosa kata keseluruhan pelajar berdasarkan min, skor minimum, skor maksimum dan sisihan piawaian.

a) Skor Saiz Kosa Kata Reseptif

Jadual 4. 1: (a) Saiz Kosa Kata Reseptif Secara Keseluruhan

Descriptive Statistics					
	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
AVLT_1K	127	1	2	1.28	0.193
AVLT_2K	127	1	2	1.34	0.237
AVLT_3K	127	1	2	1.50	0.233
SKK_AVLT	127	1	2	1.37	0.199
Valid N (listwise)	127				

Data statistik dalam jadual di atas menunjukkan bahawa skor min bagi tahap 1000 kata adalah (min = 1.28; SD = 0.193), tahap 2000 kata adalah (min = 1.34; SD = 0.237) dan tahap 3000 kata adalah (min = 1.50; SD = 0.233). Dapatan ini juga menunjukkan bahawa secara purata, pelajar menguasai 725 perkataan daripada kelompok 1000 kata pertama, 660 perkataan daripada kelompok 1000 kata kedua dan 500 kata daripada kelompok 1000 kata ketiga seperti dalam rajah di bawah. Data ini juga menjelaskan bahawa purata perkataan reseptif yang dikuasai oleh pelajar secara keseluruhannya adalah 1885 perkataan.



Rajah 4. 1: Purata Skor Bagi Setiap Tahap Kosu Kata Reseptif

Data yang diperolehi ini juga menunjukkan bahawa skor min bagi tahap kosu kata 1000 adalah tinggi berbanding dua tahap berikutnya. Skor min bagi tahap 2000 kata dan tahap 3000 kata mengalami penurunan yang konsisten secara berperingkat. Rajah 4.1 menjelaskan bahawa skor pelajar menurun pada setiap peningkatan tahap kosu kata. Dengan kata lain, pelajar yang menguasai kosu kata berfrekuensi lebih rendah (tahap 3000 kata) kebiasaannya telah menguasai kosu kata yang berfrekuensi tinggi terlebih dahulu. Perkara ini menepati ramalan secara logikal seperti yang dicadangkan oleh Read (2001).

b) Bilangan Pelajar Mengikut Saiz Kosu Kata Reseptif yang Dikuasai


Secara keseluruhannya, tahap penguasaan saiz kosu kata boleh dikategorikan kepada tiga kelompok iaitu tahap 1000 perkataan (tahap rendah), tahap 2000 perkataan (tahap sederhana) dan bagi tahap 3000 perkataan (tahap tinggi). Jadual 4.2 berikut menunjukkan bilangan pelajar mengikut saiz kosu kata reseptif yang mereka kuasai:

Jadual 4.2: Bilangan Pelajar Mengikut Saiz Kosu Kata Reseptif yang Dikuasai

Perkataan dikuasai	Bil. Pelajar	Bil Kese- luruhan	Peratusan	Saiz Kosu Kata	Tahap
<b>0 hingga 500</b>	<b>0</b>	<b>0</b>			
<b>501 hingga 999</b>	11	13	<b>10%</b>	<b>1k</b>	<b>Rendah</b>
<b>1000</b>	2				
<b>1001 hingga 1500</b>	25	25			
<b>1501 hingga 1999</b>	26	30	43%	2k	Sederhana
<b>2000</b>	4				
<b>2001 hingga 2500</b>	41	41			
<b>2501 hingga 2999</b>	17	18	46%	3k	Tinggi

3000

1



Rajah 4.2: Penguasaan Kosa Kata Reseptif Pelajar Berasaskan Tahap

Rajah 4.2 di atas menunjukkan tiada seorang pun pelajar menguasai 0 hingga 500 kata. Manakala, 11 orang pelajar menguasai 501 hingga 999 perkataan dan 2 orang pelajar menguasai 1000 perkataan. Manakala, 25 orang pelajar menguasai 1001 hingga 1500 perkataan dan diikuti dengan 26 orang pelajar yang menguasai 1501 hingga 1999 kata. Seterusnya, bagi 2000 perkataan, hanya 4 orang pelajar yang menguasainya. Bagi tahap 2001 hingga 2500 pula seramai 41 orang dan bagi perkataan 2501 hingga 2999 hanya 17 orang sahaja yang menguasainya. Akhir sekali, hanya seorang sahaja pelajar yang menguasai 3000 perkataan. Dengan mengkategorikan tahap penguasaan kosa kata reseptif ini kepada tiga kelompok, kebanyakan responden berada pada tahap penguasaan tinggi. Seramai 13 orang pelajar (10%) berada pada kelompok rendah, 55 pelajar (43%) pada kelompok sederhana dan 59 pelajar (46%) pada kelompok tinggi. Penelitian ke atas data ini juga menunjukkan 70 daripada 127 orang pelajar sahaja (55%) didapati memiliki 1885 perkataan dan ke atas. Sekiranya had penguasaan minimum ditetapkan pada sekurang-kurangnya 2000 perkataan, dapatan ini menunjukkan hanya 65 orang pelajar yang didapati melepasi tahap tersebut dan ianya mewakili sekitar 51% daripada sampel kajian.

#### c) Bilangan Pelajar yang Melempi Tahap Skor Kriteria Kosa Kata (Read, 2000)

Bagi ujian kosa kata reseptif (aVLT) ini, setiap bahagian mempunyai 18 soalan bagi sesuatu tahap iaitu tahap 1000, 2000 dan 3000 patah perkataan. Menurut Read (2000) penguasaan saiz kosa kata bagi setiap tahap ialah pelajar harus mencapai skor kriteria sekurang-kurangnya 16/18. Oleh itu, jadual 4.3 menunjukkan bilangan pelajar yang melepasi tahap skor kriteria kosa kata oleh Read, (2000).

Jadual 4.3: Bilangan Pelajar yang Melempi Tahap Skor Kriteria Kosa Kata (Read, 2000)

	TAHAP 1000	TAHAP 2000	TAHAP 3000
N	127	127	127
JUMLAH PELAJAR CAPAI $\geq$ 16/18	35	33	13
PERATUSAN	28%	26%	10%

Maka, berdasarkan jadual 4.3 di atas, bilangan pelajar yang didapati melepasi tahap skor kosa kata bagi 1000 kata adalah seramai 35 orang pelajar (28%), tahap 2000 kata pula seramai 33 orang pelajar (26%) dan hanya 13 orang pelajar (10%) sahaja yang melepasi tahap 3000 kata.

#### 4.2 *Apakah bilangan saiz kosa kata produktif Bahasa Arab di kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Komunikasi & Professional UiTM?*

Bagi tujuan mengukur saiz kosa kata produktif pelajar pula, pengkaji menggunakan Ujian Tahap Produktif (PVLТ). Data-data dalam jadual di bawah menunjukkan skor ujian tahap kosa kata keseluruhan pelajar berdasarkan min, skor minimum, skor maksimum dan sisihan piawaian.

##### a) Skor Saiz Kosa Kata Produktif

Jadual 4.4: Saiz Kosa Kata Produktif Secara Keseluruhan


Descriptive Statistics

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
<b>PVLТ_1K</b>	127	1	2	1.24	0.167
<b>PVLТ_2K</b>	127	1	2	1.43	0.221
<b>PVLТ_3K</b>	127	1	2	1.68	0.175
<b>SKK_PVLТ</b>	127	1	2	1.45	0.172
<b>Valid N (listwise)</b>	127				

Data statistik dalam jadual di atas menunjukkan bahawa skor min bagi tahap 1000 kata adalah (min = 1.24; SD = 0.167), tahap 2000 kata adalah (min = 1.43; SD = 0.221) dan tahap 3000 kata adalah (min = 1.68; SD = 0.175). Dapatan ini juga menunjukkan bahawa secara purata, pelajar menguasai 759 perkataan daripada kelompok 1000 kata pertama, 574 perkataan daripada kelompok 1000 kata kedua dan 322 kata daripada ke-



lompok 1000 kata ketiga seperti dalam rajah di bawah. Data ini juga menjelaskan bahawa purata kosa kata produktif yang dikuasai oleh pelajar secara keseluruhannya adalah 1655 perkataan.



Rajah 4.3: Purata Skor Bagi Setiap Tahap Kosa Kata Produktif


Rajah 4.3 menunjukkan data yang diperolehi ini juga menunjukkan bahawa skor min bagi tahap kosa kata 1000 adalah tinggi berbanding dua tahap berikutnya. Manakala, skor min bagi tahap 2000 kata dan tahap 3000 kata juga mengalami penurunan yang konsisten secara berperingkat. Ini bermakna, semakin meningkat tahap kosa kata, semakin menurun skor pelajar.

b) Bilangan Pelajar Mengikut Saiz Kosa Kata Produktif yang Dikuasai

Tahap penguasaan saiz kosa kata produktif juga boleh dikategorikan kepada tiga kelompok iaitu tahap 1000 perkataan (tahap rendah), tahap 2000 perkataan (tahap sederhana) dan bagi tahap 3000 perkataan (tahap tinggi). Jadual 4.5 berikut menunjukkan bilangan pelajar mengikut saiz kosa kata produktif yang mereka kuasai:

Jadual 4.5: Bilangan Pelajar Mengikut Saiz Kosa Kata Produktif yang Dikuasai

Perkataan dikuasai	Bil. Pelajar	Bil Keseluruhan	Peratusan	Saiz Kosa Kata	Tahap
<b>0 hingga 500</b>	2	2			
<b>501 hingga 999</b>	17	18	16%	1k	Rendah
<b>1000</b>	1				
<b>1001 hingga 1500</b>	21	21			
<b>1501 hingga 1999</b>	47	60	64%	2k	Sederhana
<b>2000</b>	13				
<b>2001 hingga 2500</b>	24	24			
<b>2501 hingga 2999</b>	2	2	20%	3k	Tinggi
<b>3000</b>	0				



Rajah 4.4: Penguasaan Kosakata Pelajar Berdasarkan Tahap

Rajah 4.4 di atas menunjukkan 2 pelajar menguasai 0 hingga 500 kata, 17 pelajar menguasai 501 hingga 999 kata dan seorang pelajar yang menguasai 1000 perkataan. Manakala, 21 pelajar menguasai 1001 hingga 1500 kata, 47 pelajar menguasai 1501 hingga 1999 kata dan 13 pelajar menguasai 2000 kata. Seterusnya diikuti dengan 24 pelajar menguasai 2001 hingga 2500 kata dan 2 orang pelajar lagi menguasai 2501 – 2999 kata. Bagi ujian PVLTL ini tiada seorang pun yang menguasai 3000 kata. Dengan mengkategorikan tahap penguasaan kepada tiga kelompok kebanyakan responden berada pada tahap penguasaan sederhana. Seramai 20 orang pelajar (16%) berada pada kelompok rendah, 81 pelajar (64%) pada kelompok sederhana dan hanya 26 pelajar (46%) pada kelompok tinggi. Penelitian ke atas data ini juga menunjukkan hanya 80 orang pelajar sahaja (63%) didapati memiliki 1655 perkataan dan ke atas. Seterusnya, dapatan ini juga menunjukkan hanya 39 orang pelajar sahaja (31%) yang melepasi tahap had penguasaan minimum sekurang-kurangnya 2000 perkataan.

c) Bilangan Pelajar yang Melempi Tahap Skor Kriteria Kosakata (Read, 2000)

Bagi ujian kosakata produktif (PVLTL) ini juga, setiap bahagian mempunyai 18 soalan bagi sesuatu tahap iaitu tahap 1000, 2000 dan 3000 patah perkataan. Menurut Read (2000) penguasaan saiz kosakata bagi setiap tahap ialah pelajar harus mencapai skor kriteria sekurang-kurangnya 16/18. Jadual 4.6 dibawah menunjukkan sebilangan pelajar yang menguasai kosakata dengan mencapai skor had penguasaan minimum iaitu 16/18 dan keatas.

Jadual 4.6: (c) Bilangan Pelajar yang Melempi Tahap Skor Kriteria Kosakata (Read, 2000)

	TAHAP 1000	TAHAP 2000	TAHAP 3000
N	127	127	127
JUMLAH PELAJAR CAPAI $\geq$ 16/18	39	12	1
PERATUSAN	31%	9%	1%

Berdasarkan jadual 4.6 di atas, bilangan pelajar yang didapati melepasi tahap 1000 kata adalah seramai 39

orang pelajar (31%), tahap 2000 kata seramai 12 orang pelajar (9%) dan hanya 1 orang pelajar (1%) melepasi tahap 3000 kata.

#### 4.3 Sejauh Manakah Perbezaan Antara Saiz Kosa Kata Reseptif & Produktif Dalam Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Komunikasi Professional, UiTM?

Pengkaji telah menjalankan Ujian-t untuk melihat sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara saiz kosa kata reseptif dan saiz kosa kata produktif. Jadual 4.7 menunjukkan keputusan Ujian-t bagi perbezaan saiz kosa kata reseptif dan produktif.

Jadual 4.7: Keputusan Ujian-t Bagi Perbezaan Saiz Kosa Kata Reseptif dan Saiz Kosa Kata Produktif

Paired Samples Statistics							
	Mean	N	Std. Deviation	Std. Error Mean	t	df	Sig. (2-tailed)
SKK_PVLT	1.37	127	.199	.0177	-5.949	126	.000
SKK_AVLT	1.45	127	.172	.0152			

\*Signifikan pada aras keertian 0.05

Berdasarkan jadual 4.7 di atas, didapati nilai t bagi perbandingan antara saiz kosa kata reseptif (aVLT) dan saiz kosa kata produktif (PVLT) iaitu  $t = -5.949$  dan tahap signifikan  $p = 0.000$ . Tahap signifikan ini lebih kecil daripada 0.05 ( $p > 0.05$ ). Dapat diperhatikan bahawa, nilai Sig. (2-tailed) sebesar  $.000 < 0.05$  ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara saiz kosa kata reseptif dan produktif melalui ujian aVLT dan PVLT. Namun, tahap skor min kosa kata reseptif (aVLT) (min = 1.45) didapati lebih tinggi daripada skor min pelajar kosa kata produktif (min = 1.37).

Seterusnya, perbezaan ini juga boleh dilihat dengan lebih jelas melalui perbezaan jumlah kosa kata yang dikuasai oleh pelajar daripada kedua-dua ujian tersebut. Jadual 4.8 menunjukkan perbezaan jumlah perkataan bagi saiz kosa kata reseptif dan produktif.

Jadual 4.8: Perbezaan Jumlah Perkataan bagi Saiz Kosa Kata Reseptif dan Produktif

TAHAP	AVLT (Kosa Kata Reseptif)	PVLT (Kosa Kata Produktif)
TAHAP_1K	725	759
TAHAP_2K	660	574
TAHAP_3K	500	322
<b>JUMLAH PERKATAAN</b>	<b>1885</b>	<b>1655</b>

Secara keseluruhannya, dapat dilihat pada tahap 1000 patah perkataan, pelajar lebih menguasai kosa kata produktif berbanding kosa kata reseptif iaitu sebanyak 759 perkataan. Manakala, bagi kosa kata reseptif pula pelajar hanya menguasai sekitar 725 perkataan sahaja. Pada tahap 2000 patah perkataan, pelajar lebih menguasai kosa kata reseptif iaitu 660 perkataan berbanding kosa kata produktif iaitu 574 perkataan sahaja. Seterusnya, bagi tahap 3000 patah perkataan juga dapat diperhatikan bahawa pelajar lebih menguasai kosa kata reseptif sebanyak 500 perkataan berbanding kosa kata produktif iaitu hanya 322 perkataan sahaja. Maka, dapat disimpulkan bahawa jumlah keseluruhan perkataan bagi kosa kata reseptif ialah 1885 perkataan, manakala bagi kosa kata produktif pula ialah sebanyak 1655 perkataan. Perbezaan penguasaan kata antara kosa kata reseptif dan produktif adalah sebanyak 230 perkataan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab Komunikasi dan Professional UiTM lebih banyak menguasai kosa kata reseptif berbanding kosa kata produktif.

## **5.0 PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

Berdasarkan dapatan yang diperolehi, tahap saiz kosa kata pelajar Bahasa Arab Komunikasi Professional, UiTM boleh dilihat dari dua perspektif iaitu saiz kosa kata reseptif dan saiz kosa kata produktif. Bagi saiz kosa kata reseptif, rata-rata pelajar menguasai perkataan sebanyak 1885 daripada 3000 patah perkataan. Manakala, bagi saiz kosa kata produktif pula pelajar hanya menguasai 1655 daripada 3000 patah perkataan. Berdasarkan pandangan dan panduan yang telah ditetapkan oleh para pengkaji linguistik yang terdahulu, jumlah ini masih berada di bawah paras minimum yang telah disarankan oleh (Nation, 2001; Schmitt, 1997; Meara, 2001) iaitu sebanyak 2000 patah perkataan. Pengkaji mendapati bahawa jumlah saiz kosa kata reseptif yang dikuasai pelajar sebanyak 1885 perkataan ini boleh dikatakan menghampiri dengan tahap penguasaan minimum tersebut. Seterusnya, dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa perbezaan antara saiz kosa reseptif dan produktif hanyalah 230 perkataan sahaja. Ini menunjukkan pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Komunikasi UiTM mempunyai peluang yang cerah serta berkemampuan untuk menguasai kedua-dua jenis kosa kata ini dengan lebih banyak lagi sekiranya setiap pihak berusaha dengan lebih keras.

Hasil kajian ini memperlihatkan perbezaan pencapaian antara saiz kosa kata dalam kajian terdahulu seperti kajian Harun (2014) dan Razif (2015). Jika dilihat pada kajian Harun (2014) berkaitan dengan penguasaan saiz kosa kata pelajar pra universiti, mereka hanya menguasai 717 daripada 4000 patah perkataan. Manaka-

la, kajian Razif (2015) pula mendapati bahawa rata-rata pelajar di KUIS hanya menguasai saiz kosa kata reseptif sebanyak 1231/3000 patah perkataan dan hanya 9% sahaja yang melepasi tahap 2000 patah perkataan. Manakala, kebanyakan pelajar yang lain menguasai 1999 perkataan dan ke bawah. Dapat dilihat bahawa penguasaan saiz kosa kata reseptif pelajar bahasa Arab di UiTM lebih tinggi iaitu sebanyak 1885 patah perkataan berbanding kajian Razif (2015) dan Harun (2014).

Berdasarkan penerangan di atas, dapat disimpulkan bahawa kebanyakan pelajar bahasa Arab IPT kekurangan bekalan kosa kata yang mencukupi untuk proses pembelajaran mereka di universiti. Perkara ini perlu dipandang serius kerana, sebagai pelajar IPT, mereka seharusnya telah menguasai kosa kata di tahap yang lebih tinggi berbanding semasa mereka di sekolah menengah iaitu sekitar 2000 hingga 3000 perkataan seperti yang disyorkan oleh Laufer (1989) & Al-Batal (2006). Sebagai pelajar universiti khususnya jurusan bahasa Arab Komunikasi Professional, mereka memerlukan kosa kata yang lebih banyak dan pelbagai untuk memenuhi keperluan pembelajaran bahasa Arab di universiti yang lebih mencabar dan kompleks.

## **5.1 Cadangan dan Saranan**

Antara cadangan yang boleh dikemukakan kepada pihak-pihak tertentu agar dapat menambahbaik bidang saiz kosa kata Bahasa Arab adalah seperti berikut:

### *5.1.1 Jawatankuasa Kurikulum Bahasa Arab Khususnya di UiTM*

Pihak jawatankuasa kurikulum perlu membuat perancangan yang teliti bagi memastikan pelajar menguasai kosa kata yang mencukupi. Hal ini penting bagi memastikan kejayaan pembelajaran pelajar dalam mengikuti keseluruhan kursus yang menggunakan bahasa Arab sebagai medium perantaraan. Pihak yang berkenaan juga perlu mengadakan ujian saiz kosa kata kepada pelajar secara berkala bagi menilai kemajuan tahap pencapaian dan saiz kosa kata pelajar. Ini penting bagi mengenalpasti tahap penguasaan kosa kata semasa dan keperluan terhadap penambahbaikan dan perancangan bagi aktiviti dan kurikulum yang ditawarkan dalam program akademik bahasa Arab di UiTM.

Selain itu, satu kursus berkaitan pengkayaan kosa kata boleh ditawarkan dengan jam kredit yang sesuai. Walau bagaimanapun jika terdapat kekangan, aktiviti pengajaran kosa kata boleh diterapkan secara tidak lansung dalam kursus-kursus sedia ada dan memerlukan perancangan yang tersusun. Penggunaan buku latihan kosa kata juga dijangka dapat membantu pelajar dalam menguasai kosa kata baru dan mengekalkan kosa

kata sedia ada. Di antara buku latihan khusus yang boleh dihasilkan untuk mengembangkan lagi kosa kata pelajar ialah buku seperti *word search*, latihan kosa kata berasaskan kamus, buku latihan sinonim dan antonim, kata adjektif, kata kerja dan lain-lain. Selain daripada buku latihan, permainan kosa kata seperti Sahiba, *word puzzle*, *Apps for words game* (aplikasi permainan kosa kata) juga boleh diperbanyakkan. Program santai boleh dilakukan sama ada sebelum atau selepas pengajaran dan pembelajaran seperti mengadakan kuiz kosa kata, silang kata, nyanyian, drama dan sebagainya.

### 5.1.2 *Pengkaji Bahasa Khusus dalam Bidang Kosa kata*

Seterusnya, para pengkaji dalam bidang bahasa haruslah meneroka kajian untuk menghasilkan lebih banyak bahan rujukan bahasa Arab yang berkaitan dengan bidang kosa kata. Ini dapat dilihat dalam kajian aspek saiz kosa kata produktif, kosa kata teknikal dan kosa kata akademik yang masih belum luas dijalankan. Selain itu, penyediaan senarai kosa kata perlu sentiasa dikemaskini agar selari dengan peredaran zaman dan kemajuan sistem pendidikan di Malaysia. Bidang ini juga memerlukan tenaga pakar dan pengkaji bahasa yang mampu untuk membina sebuah ujian saiz kosa kata bahasa Arab yang khusus kepada pelajar bahasa Arab. Dengan adanya ujian saiz kosa kata ini, ia dapat memudahkan pengkaji dan juga guru-guru untuk menilai tahap saiz kosa kata pelajar dan juga dapat menambah baik dari segi pemilihan kosa kata yang digunakan didalam silibus pembelajaran.

### 5.1.3 *Tenaga Pengajar*

Tenaga pengajar juga disarankan untuk menguasai teknik pengajaran kosa kata dengan baik. Dengan itu, pengajar boleh mengaplikasi teknik ini dalam mana-mana subjek bahasa Arab yang ditawarkan termasuk subjek yang berasaskan kandungan yang tidak menekankan kepada aspek kemahiran bahasa Arab. Para pengajar boleh mengoptimumkan penggunaan teknologi komputer dan internet dalam menarik minat pelajar menguasai kosa kata. Teknik pengajaran ini merupakan salah satu teknik baru yang berkesan dalam meningkatkan kosa kata. Antara kaedah pengajaran yang digalakkan ialah e-pembelajaran (*e-learning*) seperti *Massive Open Online Courses* (MOOC), *Blended Learning*, *Prezi*, *Padlet*, *Kahoot!*, *Edmodo* dan sebagainya. Seterusnya, permainan dalam talian, kamus dalam talian, *hyperlink* dan bahan rujukan dalam bentuk animasi turut membantu. Selain itu, para tenaga pengajar juga boleh memaksimumkan penggunaan bahasa Arab dalam komunikasi media sosial seperti aplikasi whatsapp dan telegram. Melalui medium ini, secara tidak lansung dapat mengembang dan memperkayakan kosa kata pelajar.

### 5.1.4 *Pelajar*

Melalui kajian ini, pelajar dapat mengetahui tahap saiz kosa kata mereka yang sebenar dan dapat mengukur semula jumlah kosa kata yang perlu dipertingkatkan. Pelajar boleh memilih strategi pembelajaran kosa kata

yang diminati dan menggunakannya dalam usaha untuk meningkatkan saiz kosa kata bahasa Arab mereka. Pelajar perlu berubah untuk menggunakan strategi pembelajaran kosa kata yang lebih berkesan berbanding strategi yang biasa digunakan seperti penggunaan searai perkataan. Selain itu, pelajar perlu melibatkan diri dalam program-program bahasa, memperbanyakkan bacaan bahasa Arab, mendengar perbincangan ilmiah, menonton filem atau drama Arab bagi mengembangkan penguasaan kosa kata mereka. Melalui aktiviti ini, sedikit sebanyak pelajar akan terdedah dengan perkataan baru. Seseorang pelajar di institusi pengajian tinggi haruslah mengambil kira kosa kata yang relevan dan berfrekuensi tinggi untuk dikuasai agar dapat diaplikasikan dengan lebih berkesan dalam proses pembelajaran mereka.

## **6.0 Rumusan**

Dapat dirumuskan melalui kajian ini bahawa penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Komunikasi Professional di UiTM masih berada di bawah paras minimum yang disyorkan oleh Nation (2001) iaitu sebanyak 2000 perkataan. Pelajar dalam kajian ini menguasai 1885 perkataan bagi kosa kata reseptif dan 1655 perkataan bagi kosa kata produktif. Seterusnya, kajian ini mendapati bahawa saiz kosa reseptif pelajar adalah lebih tinggi berbanding saiz kosa kata produktif. Namun, perbezaan antara reseptif dan produktif hanyalah 230 perkataan dan ia tidak terlalu ketara. Pengkaji berpendapat bahawa strategi pembelajaran kosa kata (SPK) yang pelbagai dan eksplisit boleh menjadi salah satu usaha pelajar untuk menambah kosa kata secara berkesan sekiranya pelajar bersungguh-sungguh menggunakannya.

## **BIBLIOGRAFI**

- ‘Abd al-Bari, M. S. (2011). *Ta‘lim al-Mufradat al-Lughawiyat, Amman*. Dar al- Masirah.
- Abdul Razif, Z., Saifullah, S., Khairil Ashraf, E., Mohd Zaki, A. R., Khirulnizam, A. R., Muhammad Haron, H., & Naqibah, M. (2011). *Rekabentuk Aplikasi Pembangunan Kosa Kata Bahasa Arab*.
- Al-Batal, M. (2006). *Playing With Words: Teaching Vocabulary in The Arabic Curriculum. in Handbook for Arabic Language Teaching Professionals in The 21st Century Kassem M. Wahba , Zeinab A. Taha and Liz England*. Mahwah, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates Publishers.
- Al-Wa‘iliy, S. A. al-K. ‘Abbas. (2004). *Tara’iq Tadris al-’Adab wa al-Balaghat wa al-Ta‘bir – Baina al-Tanzir wa al-Tatbiq*. Amman: Dar al-Syuruq.
- Asmah, O. (1984). *Kaedah Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Beglar, D., & Hunt, A. (1999). Revising and validating the 2000 Word Level and University Word Level Vocabulary Tests. *Language Testing, 16*(2), 131–162.
- Catalán, R. M. J., & Gallego, M. T. (2008). The Receptive Vocabulary of English Foreign Language Young Learners 1, 5, 173–191.
- Che Radiah Mezah. (2009). *Kesilapan Leksikal Dalam Pembelajaran Bahasa Arab*. UPM Press.
- Coxhead, A., Nation, P., & Sim, D. (2015). Measuring The Vocabulary Size of Native Speakers of English

- in New Zealand Secondary Schools. *New Zealand Journal of Educational Studies*, 50(1), 121–135.
- Goulden, R., Nation, P., & Read, J. (1990). How Large Can A Receptive Vocabulary Be. *Applied Linguistic*, 11(4), 341–363.
- Harun, B. (2014). *Strategi Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab Pelajar Sekolah Menengah Agama di Malaysia*. University of Malaya.
- Harun, B., & Zawawi, I. (2014). Aspek Saiz dalam Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab.
- Izzetin, K., & Orkun, K. (2011). An Experimental Study on The Vocabulary Level and Vocabulary Consolidation Strategies. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 15, 891–894.
- Keith S. Folse. (2004). *Vocabulary Myths Applying Second Language Research to Classroom Teaching*. Ann Arbor: The University of Michigan Press.
- Laufer, B. (1989). *What Percentage of Text-Lexis is Essential for Comprehension ?*
- Laufer, B. (1998). The Development of Passive and Active Vocabulary in a Second Language : The Development of Passive and Active Vocabulary in a Second Language : Same or Different ? *Applied Linguistic*, 19(2), 255–271. <https://doi.org/10.1093/applin/19.2.255>
- Laufer, B., & Nation, P. (1999). *Language Testing ; A Vocabulary-Size Test of Controlled Productive Ability* (Volume 16.). Arnold.
- Llach, M. P. A., & Gallego, M. T. (2009). Examining the Relationship between Receptive Vocabulary Size and Written Skills of Primary School Learners, 1(June), 129–147.
- Mat Taib, P. (2001). *Perbandingan Ciri-Ciri Umum Nahu Bahasa Arab Dan Bahasa Melayu Dan Kaitannya Dengan Kesulitan Pelajar-Pelajar Melayu Mempelajari Bahasa Arab*. Universiti Malaya.
- Mat Taib, P. (2006). *Dasar-Dasar Umum Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Kuala Lumpur: University Malaya Publications.
- Meara, P. (1980). Vocabulary acquisition: a neglected aspect of language learning, (1), 1–29.
- Meara, P. (1996). *The Dimensions of Lexical Competence. This paper first appeared in: G Brown, K Malmkjaer & J Williams (eds.). Performance and Competence in Second Language Acquisition*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Meara, P. (2001a). The Importance of an Early Emphasis on L2 Vocabulary. Retrieved from [https://jalt-publications.org/old\\_tlt/files/95/feb/meara.html](https://jalt-publications.org/old_tlt/files/95/feb/meara.html)
- Meara, P. (2001b). *The Mathematics of Vocabularies*.
- Nation, P., & Waring, R. (1997). *Vocabularysize, Text Coverage and Word Lists*. In N. Shcmitt, & M. McCarthy. *Vocabulary Description, Acquisition and Pedagogy*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Nation, P. (2001). *Learning Vocabulary in Another Language*. Cambridge University Press.
- Nation, P., & Gu, P. Y. (2007). *Focus on Vocabulary*. Sydney: National Center for English Language Teaching and Research.
- Olmos, C. (2009). An Assessment of the Vocubalary Knowledge Of Students In The Final Year Of secondary Education. Is Their Vocubalary Extensive Enough? *International Journal of English Studies (IJES)*, University of Murcia, (Special Issue), ms. 73-90.



- Pan, X. Q. (2003). To Break Through The Barrier of Vocabulary by Skillfully Using Memory Strategies. 317. *Journal of Hangzhou Teachers College*, 2(3), 100–101.
- Paribakht, T. S., & Wesche, M. B. (1993). Reading Comprehension and Second Language Development in a Comprehension-Based ESL Program. *TESL CANADA JOURNAL*, 11(1), 9–29.
- Pujol, I. M. (2008). *The Influence Of Age On Vocabulary Acquisition in English as Foreign Language*. Universitat de Barcelona.
- Razif, A. (2015). *Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Melayu di Peringkat Kolej Universiti*. University of Malaya.
- Read, J. (2000). *Assessing Vocabulary*. (L. F. Eds. Alderson, J.C. & Bachman, Ed.). United Kingdom: Cambridge University Press.
- Rosni, S., Mohd Fauzi, A. H., Shaferul Hafes, S., & Amizan Helmi, M. (2013). Aktiviti Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Dalam Kalangan Jurulatih Debat, 13(May), 99–116.
- Rosni Samah. (2013). *Kaedah Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab*. Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan: Penerbit USIM.
- Schmitt, N. (1997). *Using a Word Knowledge Framework to Research Vocabulary*. University of Nottingham.
- Schmitt, N. (2000). *Vocabulary in Language Teaching*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Staehr, L. S. (2008). Vocabulary Size and skills of Listening, Reading and Writing. *Language Learning Journal*, 36(2), 139–152.
- Ta'emah, R. (1986). *al-Marja' fi Ta'lim al-Lughat al-'Arabiyyat li al-Natiqin bi Lughat 'Ukhra*. Mekah: jami'ah Ummu al-Qurra.
- Ta'emah, R. (2005). *al-Kitab al-Jami'iy, Mauqi'uh wa Ma'ayiruh wa Musykilatuh*. Cairo.
- Webb, S. (2009). The Effects of Receptive and Productive Learning of Word Pairs on Vocabulary Knowledge. *RELC Journal*, 40(3), 360–376.
- Zimmerman, K. J. (2004). The Role of Vocabulary Size in Assessing Second Language Vocabulary.